

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 21.05.2026 MASA: 4.00PM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG AHLI MAJLIS MBSP  
TAHUN 2025

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**25 MEI 2025 (ISNIN)  
4.00 PETANG**

**RUANG KERAIAN, TINGKAT 16, MENARA BANDARAYA  
SEBERANG PERAI TENGAH**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Mantan-Mantan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Rosmalinda Binti Rosli**

Penolong Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan Merangkap Penyelaras

Majlis Jasamu Dikenang

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

***Bismillahir Rahmanir Rahim***

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,***

**Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,**

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Majlis Jasamu Dikenang Ahli Majlis MBSP Tahun 2025**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setulusnya kepada barisan mantan Ahli Majlis MBSP yang diraikan pada hari ini atas segala jasa, komitmen, idea dan pengorbanan yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
3. Sesungguhnya, peranan Ahli Majlis amat besar dalam membantu pihak pentadbiran MBSP menyantuni rakyat, membawa suara komuniti dan bersama-sama merancang pembangunan Seberang Perai yang lebih mampan, inklusif dan sejahtera.
4. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada para hadirin yang hadir pada petang ini sebagai tanda sokongan dan penghormatan kepada para mantan Ahli Majlis yang diraikan. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menyerlahkan semangat

menghargai jasa yang perlu terus diperkasakan dalam masyarakat MADANI.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Hari ini, kita menzahirkan penghormatan kepada lapan (8) orang mantan Ahli Majlis MBSP Tahun 2025 yang telah menamatkan khidmat mereka. Mereka terdiri daripada individu-individu yang datang daripada pelbagai latar belakang pengalaman, kepakaran dan perjuangan, namun disatukan oleh satu matlamat yang sama, iaitu untuk berbakti kepada rakyat dan memajukan Seberang Perai.
6. Sesungguhnya, tugas sebagai Ahli Majlis bukanlah satu amanah yang mudah. Di sebalik setiap keputusan yang dibuat, ada masa, tenaga dan pengorbanan yang dicurahkan demi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.
7. Izinkan saya menyanjung tinggi jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh:
  - a) Encik Cheen Goon Hooi, yang telah berkhidmat selama tujuh (7) tahun dan enam (6) bulan sejak tahun 2018; satu tempoh yang mencerminkan komitmen dan kesetiaan beliau dalam menabur bakti kepada warga Seberang Perai.

- b) Encik Ng Yee Siang, yang telah menjalankan amanah selama lima (5) tahun dengan penuh dedikasi dan keprihatinan terhadap keperluan masyarakat setempat.
- c) Encik Ng Wai Leong, Puan Nur Aishah binti Zainol, YBhg. Dato' Omar bin Haji Abd Hamid dan Encik Benson Neoh Kah Wei, yang masing-masing telah berkhidmat selama dua (2) tahun dan tiga (3) bulan serta memberikan komitmen dan sumbangan yang amat bermakna kepada MBSP.
- d) Encik Azman bin Rahim dan Encik Mohamad Aisamuddin bin Mohamad Kaman, yang walaupun berkhidmat selama satu (1) tahun, telah menunjukkan dedikasi dan kesungguhan dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Hadirin sekalian,

- 8. Walaupun tempoh perkhidmatan mereka telah berakhir, jasa dan sumbangan para mantan Ahli Majlis ini akan terus terpahat sebagai sebahagian daripada sejarah pembangunan Seberang Perai.
- 9. Saya percaya, kepimpinan yang baik bukan hanya dinilai melalui jawatan yang disandang, tetapi melalui keikhlasan dan kesungguhan dalam berkhidmat kepada rakyat.
- 10. Kepada para mantan Ahli Majlis yang diraikan, saya bagi pihak MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala jasa dan

pengorbanan yang telah diberikan. Semoga hubungan baik ini akan terus berkekalan dan segala usaha yang dicurahkan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

11. Akhir kata, saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang, diberi kesihatan yang baik dan dipermudahkan urusan dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini. Sesungguhnya, jawatan boleh berakhir, tetapi jasa, pengorbanan dan keikhlasan dalam berkhidmat akan terus dikenang sepanjang zaman.

“Jasa dikenang, budi disanjung,

Pengorbanan dihargai sepanjang zaman.”

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah,***

***Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***